



**PANDUAN ISTIADAT KONVOKESYEN KIAS
KALI KE-21
KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)**

TARIKH: 25 OGOS 2019M BERSAMAAN 24 ZULHIJAH 1440H

**TEMPAT: DEWAN BESAR, KOMPLEKS BALAI ISLAM
LUNDANG, KOTA BHARU**

*JAWATANKUASA JEMPUTAN & PROTOKOL
ISTIADAT KONVOKESYEN KIAS KALI KE-21*

1.0 ISTIADAT KONVOKESYEN KIAS KALI KE-21

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua graduan yang telah menamatkan pengajian di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Istiadat Konvokesyen KIAS Kali Ke-21 akan dilaksanakan **pada Hari Ahad, 25 Ogos 2019M bersamaan 24 Zulhijjah 1440H** di **Dewan Besar, Kompleks Balai Islam, Lundang, Kota Bharu**

Panduan ini diharap dapat membantu graduan sebelum, semasa dan selepas Istiadat Konvokesyen dijalankan dari segi persiapan pakaian, tarikh raptai, tarikh pengambilan jubah, yuran konvokesyen dan sebagainya.

Graduan juga boleh melayari laman Portal Pelajar KIAS (EKIAS) di ekias.my untuk mengetahui tentang senarai graduan dan info-info konvokesyen (Menu Konvokesyen).

Kerjasama graduan amatlah diharapkan dalam memastikan Istiadat Konvokesyen KIAS pada kali ini berjaya dan berjalan lancar.

2.0 BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPT 2018

Kajian pengesanan graduan IPT merupakan satu kajian tahunan bertujuan untuk mengukur daya tahap "employability" dan "marketability" graduan, mendapat pandangan / persepsi graduan tentang keberkesanan program akademik, sistem pengajian prasarana di IPT masing-masing, mewujudkan pangkalan data graduan-graduan IPT serta merupakan salah satu cara graduan untuk menyumbang kembali kepada institusi masing-masing dan kepada bakal pelajar yang akan mengikuti pelbagai program pengajian di IPT.

Sehubungan dengan itu, bakal graduan KIAS adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi borang tersebut yang boleh dilayari secara on-line di <http://graduan.mohe.gov.my>. Sila rujuk lampiran berhubung Tracer Study dan berhubung dengan Unit Alumni untuk maklumat lanjut.

3.0 BAYARAN YURAN KONVOKESYEN

Semua graduan **DIWAJIBKAN** membuat bayaran Yuran Konvokesyen sebanyak RM150.00 (Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Sahaja) di Pejabat Unit Kewangan KIAS selewat-lewatnya pada **22 Ogos 2019**.

Mana-mana graduan yang masih mempunyai tunggakan yuran pengajian, hendaklah menjelaskan baki tunggakan yuran pengajian tersebut. Graduan yang tidak menjelaskan keseluruhan baki yuran pengajian, **tidak akan diberikan transkrip akademik dan diploma** sehingga yuran tersebut diselesaikan.

4.0 PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN

4.1 Tarikh Pengambilan Jubah Konvokesyen

4.1.1 Pensyarah

Bil	Tarikh Pengambilan Jubah	Masa	Tempat
1	19-20 Ogos 2019	9.00 pagi - 4.00 petang	Bilik Jubah KIAS

* 1.00 tengahari – 2.00 petang -rehat

4.1.2 Pelajar

Bil	Tarikh Pengambilan Jubah	Masa	Tempat
1	21 Ogos 2019 (Rabu)	9.00 pagi - 4.00 petang	Bilik Jubah KIAS

2	22 Ogos 2019 (Khamis)	9.00 pagi – 3.00 petang	Bilik Jubah KIAS
---	-----------------------	-------------------------	------------------

* 1.00 tengahari – 2.00 petang -rehat

Semua graduan dikehendaki hadir untuk mengambil jubah pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan sahaja dengan membawa bersama dokumen-dokumen berikut:

- i. Borang permohonan menyewa jubah yang lengkap diisi
- ii. Surat Tawaran Konvokesyen (dipos kepada graduan)
- iii. Slip Pengesahan Menghadiri Konvokesyen (dimuat turun dari Portal Pelajar EKIAS pada menu Konvokesyen)
- iv. Slip Kajian Pengesanan Graduan
- v. Resit Bayaran Konvokesyen

4.2 Tarikh Pemulangan Jubah Konvokesyen

4.2.1 Pensyarah & Pelajar

Bil	Tarikh Pemulangan Jubah	Masa	Tempat
1	26 Ogos 2019 (Isnin)	9.00 pagi - 4.00 petang	Bilik Jubah KIAS
2	27 Ogos 2019 (Selasa)	9.00 pagi – 4.00 petang	Bilik Jubah KIAS

* 1.00 tengahari – 2.00 petang -rehat

**Tindakan kompaun sebanyak RM10.00 sehari akan dikenakan jika graduan terlewat menghantar jubah pada tarikh yang ditetapkan.

Sila rujuk lampiran surat Jemputan Mengambil Jubah Konvokesyen untuk maklumat lanjut berhubung Jubah Konvokesyen.

5.0 TATACARA BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPA DIRI (Semasa Raptai dan di dalam Majlis Konvokesyen)

5.1 Pakaian

5.1.1 Graduan Lelaki :

- i. Jubah konvokesyen graduan dan songkok berlilit (disediakan oleh pihak Kolej).
- ii. Baju kemeja berlengan panjang serta bertali leher / baju melayu/ baju cekak musang. berwarna putih dan berseluar panjang berwarna hitam.
- iii. Kasut dan stoking hitam (selipar dan sandal dilarang sama sekali).

5.1.2 Graduan Wanita:

- i. Jubah konvokesyen graduan dan *lace* tudung (disediakan oleh pihak Kolej).
- ii. Jubah (warna bebas mengikut pilihan).
- iii. Tudung labuh berwarna putih.
- iv. Kasut hitam bertutup dan berstoking (selipar dan sandal adalah dilarang sama sekali).
- v. Pakaian fesyen berseluar tidak dibenarkan sama sekali.

5.2 Sahsiah Rupa Diri

Graduan Lelaki :

Rambut lelaki hendaklah pendek dan kemas (rambut tidak mencecah kolar baju).

Graduan Wanita :

Fesyen pakaian hendaklah tidak menjolok mata.

****Graduan yang tidak mematuhi tatacara berpakaian tidak akan dibenarkan menyertai Raptai dan Istiadat Konvokesyen ini.**

5.3 Pakaian Tetamu/Ibu bapa Graduan

(Untuk dimaklumkan oleh graduan kepada tetamu yang memasuki Dewan)

Pakaian Lelaki : Batik / Kebangsaan/ Pakaian rasmi yang sesuai

Pakaian Wanita : Kebangsaan / Sopan

Jenis pakaian yang **tidak dibenarkan** untuk memasuki Dewan Istiadat Konvokesyen ialah seperti berikut:

- i. Seluar Jeans
- ii. Kemeja T
- iii. Selipar – hendaklah dielakkan
- iv. Pakaian yang tidak sopan

6.0 PENGESAHAN KEHADIRAN KONVOKESYEN

Bagi melancarkan Istiadat Konvokesyen KIAS pada kali ini, graduan perlu membuat pengesahan kehadiran ke Istiadat Konvokesyen KIAS selewat-lewatnya pada **18 Ogos 2019**.

Sila lakukan permohonan menghadiri Istiadat Konvokesyen KIAS melalui Portal Pelajar EKIAS di alamat berikut:

Layari Laman Sesawang KIAS (kias.edu.my) → Klik Portal Pelajar → Log Masuk → Klik Tab Academic Affairs → Klik Menu Convocation → Klik “Sahkan” Untuk Hadir Konvokesyen → Cetak Slip Kehadiran Konvokesyen

Sebelum / selepas pengesahan hadir disahkan, graduan perlu melaksanakan perkara-perkara berikut di Portal Pelajar:

- i) Isi maklumat diri dan butiran kehadiran konvokesyen yang dipaparkan
- ii) **CETAK** Slip Kehadiran Konvokesyen
- iii) Muat turun semua maklumat berkaitan Konvokesyen (yang dilampirkan) untuk panduan graduan.

Semua graduan diingatkan bahawa permohonan menghadiri Istiadat Konvokesyen KIAS hanya dibenarkan melalui pengesahan permohonan secara online di Portal Pelajar sahaja semenjak tahun 2017. Sebarang kecuaiian atau kelewatan tidak akan dilayan.

7.0 RAPTAI ISTIADAT KONVOKESYEN KIAS

Bagi memastikan Istiadat Konvokesyen KIAS berjalan dengan lancar, semua graduan **DIWAJIBKAN HADIR** ke Raptai Istiadat Konvokesyen KIAS pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan sebagaimana berikut:

Tarikh :	24 Ogos 2019 (Sabtu)
Masa :	8.30 pagi
Tempat :	Dewan Besar, Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu
Pakaian :	Mematuhi Tatacara Berpakaian dan Sahsiah Rupa Diri (perenggan 5.0)

8.0 KAD JEMPUTAN

Kad jemputan akan dibekalkan kepada graduan. Graduan dibenarkan membawa **2 orang tetamu sahaja** masuk ke dalam Dewan Istiadat Konvokesyen. Tempat duduk adalah terhad kepada para jemputan sahaja.

Kad jemputan dan tanda pengenalan ibu bapa / penjaga hendaklah dibawa bersama sebagai panduan tempat duduk di dalam dewan.

9.0 PERATURAN ISTIADAT KONVOKESYEN

9.1 GRADUAN

- i. Graduan diminta berkumpul di lobi Dewan Besar Balai Islam, Lundang tepat jam **8.45 pagi**.
- ii. Sila patuhi arahan bentara. Mana-mana graduan yang lewat **tidak dibenarkan** menyertai perarakan.
- iii. Pastikan graduan mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan (perenggan 5.1 dan 5.2).
- iv. Graduan wanita diminta tidak membawa tas tangan (*handbag*) semasa perarakan.
- v. Sila pastikan graduan berjalan seiring dengan jarak 1 hasta kiri / kanan, depan/belakang dalam keadaan tenang semasa Perarakan Masuk Graduan.
- vi. Para graduan hendaklah membiasakan diri dengan Protokol Istiadat pada hari Raptai Penuh agar tidak berlaku kepincangan pada hari Istiadat.
- vii. Graduan dilarang meninggalkan dewan semasa Istiadat Konvokesyen sedang berjalan.

9.2 IBU BAPA / PENJAGA GRADUAN

- i. Waktu terakhir untuk masuk ke dewan adalah pada **9.30 pagi**. Sebarang kelewatan tidak akan dilayan.
- ii. Ibu bapa graduan adalah digalakkan mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan (perenggan 5.3).
- iii. Ibu bapa graduan perlu menunjukkan pas masuk kepada penyambut tetamu yang bertugas. Tanpa pas masuk tersebut, ibu bapa tidak akan dibenarkan masuk ke dewan.
- iv. Ibu bapa graduan diminta untuk memberikan kerjasama kepada petugas-petugas bagi melancarkan perjalanan Istiadat.
- v. **Pilih *silent mode* untuk *handphone*** anda bagi mengelakkan gangguan bunyi sewaktu istiadat berlangsung.
- vi. **Kanak-kanak di bawah 12 tahun dilarang masuk ke dewan.** Ibu bapa yang mempunyai anak di bawah 12 tahun perlu membawa penjaga bagi membolehkan ibu bapa masuk ke dewan.
- vii. Penggunaan kamera peribadi atau kamera telefon semasa istiadat adalah dilarang.

10.0 GAMBAR KONVOKESYEN

Graduan **tidak dibenarkan mengambil gambar** atau membenarkan orang lain berbuat demikian semasa di dalam dewan. Semua pengambilan gambar semasa Istiadat Konvokesyen berlangsung akan diuruskan oleh pihak Pengurusan KIAS.

Gambar akan diposkan ke alamat masing-masing. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Puan Tengku Badariah Bt Tengku Yahya (019-3736039), Unit Publisiti dan Buku Cenderamata Konvokesyen KIAS.

11.0 ALUMNI

Graduan **diwajibkan** untuk membuat pengisian borang Alumni secara atas talian(*online*) di Portal Alumni KIAS. Graduan atau wakil graduan tidak akan dibenarkan mengambil sijil dan transkrip jika tidak membuat sebarang pengisian borang Alumni secara atas talian(*online*) kemudian cetak hantar kepada unit Hal Ehwal Pelajar.

Berikut adalah langkah – langkah isian Alumni secara *online*.

1. Buka pautan Portal Alumni (ekias.my/alumni/web/user-management/auth/login)
2. Pada bahagian **Authorization**, sila tekan *login pertama kali* (isi no matrik dan email) dan klik hantar.
3. Seterusnya isi *password, repeat password* dan hantar.
***pastikan alamat email sama dalam Portal Pelajar.**
4. Buka email, klik pada pautan *spam (no reply)* isi maklumat yang berkenaan (kemaskini profile, kemaskini alamat, kemaskini pengajian, dan kemaskini pekerjaan (jika bekerja).
5. Cetak untuk simpanan dan untuk dihantar kepada Hal Ehwal Pelajar.
6. Jika tidak dapat daftar sila ke Unit Alumni, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)

12.0 PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (TRACER STUDY) :

12.1 Langkah Mengisi Kajian Pengesanan Graduan (Tracer Study)

- 1) Layari laman rasmi SKPG I di graduan.moe.gov.my (*tanpa tambahan perkataan lain selepas.my*)
- 2) Seterusnya, sila klik pautan Log Masuk Graduan.
- 3) Kemudian, disenarai nama Institusi, sila klik pada nama KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (NOTA: Nama IPT akan ditambah dalam senarai apabila SKPG I telah sedia dibuka pada graduan pada 16.7.2019)
- 4) Di ruang log masuk, sila lengkapkan maklumat seperti contoh berikut :

No.KP/Passport : 8800101234

Nama Institusi : (sila taip nama Institusi di ruang yang disediakan)

KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA

- 5) Klik Hantar / Submit

12.2 Pemakluman

Slip kajian pengesanan graduan (Tracer Study) hendaklah dibuat salinan dan dilampirkan bersama borang permohonan menyewa jubah konvokesyen yang telah lengkap diisi serta hendaklah ditunjukkan setiap kali berurusan dengan Unit Alumni untuk membuat pengesahan borang pelepasan graduan.

13.0 SENARAI SEMAK

Sebelum menghadiri Istiadat Konvokesyen pastikan (sila tanda ✓) perkara-perkara di bawah telah diambil tindakan.

✓	PERKARA	CATATAN
	<p>Telah menjelaskan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran konvokesyen seperti jumlah yang tercatat di surat jemputan Graduan** • Segala yuran pengajian atau tunggakan dengan Pihak Kolej** • Memulangkan buku Perpustakaan ** • Mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan Secara atas talian (<i>dalam tempoh yang ditetapkan</i>) ** <p>** Sijil Diploma akan ditahan jika gagal menjelaskan perkara di atas.</p>	
	Telah membuat pengesahan kehadiran ke Istiadat Konvokesyen KIAS Kali Ke-21 di Portal Pelajar.	
	Mengambil Jubah Konvokesyen mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti di perenggan 4.1.	
	<p>Membawa bersama keperluan berikut semasa mengambil jubah konvokesyen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang permohonan menyewa jubah yang telah siap diisi • Resit bayaran konvokesyen – di Bahagian Kewangan • Cetakan slip Kajian Pengesanan Graduan • Cetakan Slip Kehadiran Istiadat Konvokesyen 	
	Telah menyediakan pakaian untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen sepertimana yang ditetapkan.	
	Telah memaklumkan kepada ibu bapa tatacara pakaian rasmi yang ditetapkan semasa menghadiri Istiadat Konvokesyen.	
	Kad Jemputan dan pas masuk ibu bapa telah diserahkan kepada ibu bapa.	
	Hadiri raptai Majlis Konvokesyen mengikut masa dan tarikh yang ditetapkan. Kehadiran bagi majlis raptai adalah diwajibkan kepada semua graduan.	
	Berkumpul di lobi Dewan Besar Balai Islam, Lundang tepat jam 8.45 pagi .	
	Tidak membawa sebarang beg / beg tangan atau barang berharga masuk ke dalam dewan.	
	Beratur mengikut arahan petugas dan bersedia untuk perarakan masuk ke dalam dewan.	
	Sentiasa bersedia mengikut arahan-arahan petugas selanjutnya sehingga Istiadat Konvokesyen berakhir.	
	Graduan diminta berada di dalam dewan selepas 30 minit Istiadat Konvokesyen berakhir untuk sesi bergambar bersama jabatan masing-masing.	
	Pulangkan jubah konvokesyen dalam keadaan baik. Tempat, tarikh dan masa pemulangan jubah konvokesyen adalah seperti mana yang dinyatakan di perenggan 4.2 Panduan Istiadat Konvokesyen KIAS Kali Ke-21.	

	<p>Transkrip Akademik boleh diambil di Unit Peperiksaan KIAS sehari selepas Istiadat Konvokesyen KIAS Kali Ke-21. Graduan dibenarkan mengambil transkrip akademik sekiranya telah menjelaskan yuran pengajian atau bayaran-bayaran lain yang tertunggak.</p>	
--	--	--

13.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan pegawai-pegawai berikut di talian 09 7129 386/387:

<p>Urusan Jemputan & Protokol</p>	<p>- En Mohd Nazri bin Ghani (0112-5565334) Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Pelajar)</p>
	<p>- Puan Akrima bt Hamid (013-3562789) Pembantu Tadbir (Pembangunan Pelajar)</p>
<p>Urusan Kajian Pengesanan Graduan</p>	<p>- En Ahmad Shahrizan bin Ismail Penolong Pendaftar (Alumni)</p>
<p>Urusan Jubah Konvokesyen</p>	<p>- Cik Siti Noor Salmuh binti Che Harun Penolong Pendaftar (Unit Penyelidikan & Penerbitan)</p>
<p>Urusan Kewangan</p>	<p>- En. Arinoor bin Ariffin Penolong Pendaftar Kanan (Kewangan & Aset)</p>
<p>Urusan Transkrip Akademik</p>	<p>- Puan Norhidayah binti Ab Ghafar (017-9375950) Penolong Pendaftar (Peperiksaan)</p>
<p>Urusan Gambar Konvokesyen</p>	<p>- Puan Tengku Badariah Bt Tengku Yahya (019-3736039) Penolong Pendaftar (Audit Dalaman)</p>